

PENGENALAN/DEFINISI

Perkataan **untung** menurut Kamus Dewan membawa maksud hasil pendapatan atau perolehan daripada sesuatu kegiatan seperti perusahaan, perniagaan yang melebihi modal serta segala perbelanjaan yang berkaitan.

Menurut kamus Harrap's Dictionary of Business Finance, **untung** bermaksud lebih wang yang diperolehi oleh firma ataupun perusahaan selepas semua perbelanjaan diselesaikan dalam suatu tempoh pengiraan sesuatu akaun.

Dalam bahasa Indonesia pula, perkataan **untung** sinonim dengan perkataan laba dan dalam Bahasa Inggeris disebut sebagai profit.

DEFINISI UNTUNG MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Perkataan **untung** dalam Bahasa Arab disebut al-rihb, berasal daripada kata dasar **rabiha** yang bermaksud pertambahan atau pertumbuhan dalam kegiatan perniagaan.

Dari segi istilah, al-rihb mempunyai pengertian yang berbeza. Menurut bahasa Arab, **untung** adalah lebih dan pertambahan dalam aktiviti perniagaan yang terhasil daripada dua unsur pengeluaran utama iaitu usaha (al-'amal) dan modal (ra'su al-mal).

DALIL DAN PANDANGAN ULAMA MENGENAI TAKRIFAN UNTUNG

"Mereka itulah orang yang memberi kesesatan dengan petunjuk, maka tidak beruntunglah perniagaan mereka dan tidaklah mereka mendapat petunjuk". (Surah Al-Baqarah : 16).

DALIL DAN PANDANGAN ULAMA MENGENAI TAKRIFAN UNTUNG (cont)

Imam al-Tabari berpandangan keuntungan daripada para peniaga ialah pertukaran daripada suatu barangan yang dimiliki sama ada nilai pertukaran itu sama atau melebihi harga belian barangan tersebut. Keuntungan barang perniagaan pula ialah hasil daripada pertukaran harta, iaitu apabila ia terpisah milik dengan cara akad jual beli.

Al-Nisaburi menjelaskan bahawa keuntungan adalah suatu tambahan ke atas modal dan perniagaan pula ialah suatu usaha untuk mendapatkan lebihan melalui modal (tahsil al-ziyadah ala ra's al-mal).

Menurut al-Qurtubi pula, maksud untung perniagaan dalam surah al-Baqarah di atas adalah merujuk kepada kebiasaan orang Arab yang sering mengungkapkan ayat rabaha baicuka yang bermaksud 'beruntunglah perniagaan kamu' atau khasarat safaqtuka yang bermaksud 'rugilah transaksi kamu'. Kedua-dua ungkapan ini mengandungi maksud; "kamu mendapat keuntungan dan kerugian dalam jual beli kamu".

Imam al-Alusi berpandangan keuntungan adalah usaha untuk mendapatkan lebihan modal melalui modal atau tahsil al-ziyadah ala ra's al-mal.

Rashid Rida pula berpendapat kaedahnya adalah melalui pertukaran (mu'awadah), iaitu pertukaran antara kedua-dua pihak dengan matlamat mendapatkan keuntungan.

AL-MUDARABAH

Konsep keuntungan dalam bab Al - Mudarabah :

Suatu kontrak antara dua orang atau lebih untuk berkongsi keuntungan tanpa berkongsi dalam modal.

Penubuhan sesebuah syarikat al-mud-arabah adalah untuk memperoleh keuntungan.

PANDANGAN ULAMA'FUQAHA' DALAM KONSEP KEUNTUNGAN

AL - BAGHDADI Konsep keuntungan secara jelas dengan menyatakan "sesungguhnya keuntungan itu adalah lebihan ke atas modal".

IMAM MALIK Imam Malik berpendapat bahawa untung dianggap berlaku sama ada sesuatu harta itu dicairkan ataupun tidak.

IBNU QUDAMAH Ibnu Qudamah pula mengis-tilahkan untung sebagai satu lebihan ke atas modal. Jika sesuatu modal tidak menghasilkan lebihan, maka ia tidak dinamakan sebagai untung.



PANDANGAN ULAMA'/FUQAHA' DALAM KONSEP KEUNTUNGAN (cont)

DR. MUHAMMAD SALAH Untung adalah matlamat asasi bagi firma ataupun syarikat di mana segala aktiviti ekonomi yang diceburi akan melibatkan proses penjanaan untung seperti jual beli.

ABDUL RAHMAN BIN KHALDUN AL-MAG-HRIBI (IBN KHALDUN) Untung sebagai nilai yang timbul hasil daripada kerja yang dilakukan oleh manusia.

PANDANGAN ULAMA'/FUQAHA' DALAM KONSEP KEUNTUNGAN (cont)

KHURSHID AHMAD DAN MUHAMMAD NEJATULLAH SIDDIQI Untung sebagai apa yang ditentukan dalam keadaan biasa dan sederhana mengikut hukum penawaran dan permintaan dalam pasaran bebas, dengan syarat undang-undang negara, perancangan dan polisinya atau kawalan-kawalan lain tidak campur tangan dalam sistem jualan dan belian, pengeluaran komoditi serta pasaran persaingan monopoli tidak dibenarkan mempengaruhi pasaran serta tidak berlaku keadaan darurat yang memberi kesan kepada pasaran.

BAHAGIAN-BAHAGIAN AL-RIBH (KEUNTUNGAN)

Al-Ribh terbahagi kepada dua pengertian iaitu **zakat** dan **Al-Murabahah**.

1) **zakat** - Pertambahan ke atas modal dan ia ditinjau dari segi harta yang diwajibkan zakat.

2) **Al-Murabahah** - Pertambahan ke atas modal setelah ditolak segala perbelanjaan yang dikeluarkan dalam memperoleh lebihan tersebut.

ZAKAT

Dalam Islam, kewajipan zakat (harta) hanya dikenakan ke atas harta yang berkembang (al-namiyah).

Imam al-Mawardi menyatakan bahawa zakat itu wajib ke atas harta yang berpotensi untuk berkembang sama ada menerusi usaha atau berkembang dengan sendirinya.

Ibn Qudamah menghuraikan harta yang berpotensi untuk berkembang antaranya adalah barangan perniagaan berpotensi untuk mendapat keuntungan, haiwan ternakan berkemungkinan untuk berkembang dan juga buah-buahan dengan syarat cukup hawidan nisab untuk setiap jenis.

Menurut al-Kasani, maksud zakat tidak akan diperolehi kecuali dari harta yang berkembang.

AL-MURABAHAH

Dalam bab al-murabahah, keuntungan (al-ribh) mempunyai dua pengertian.

Pertama : "Pertambahan ke atas modal".

Kedua : "Pertambahan ke atas modal setelah ditolak segala perbelanjaan yang dikeluarkan dalam memperoleh lebihan tersebut".

KRITERIA KEUNTUNGAN YANG DIGARISKAN OLEH ISLAM

i. Keuntungan bukan berasal daripada perbuatan riba.

ii. Keuntungan bukan daripada usaha penipuan dengan menyembunyikan fakta .

iii. Keuntungan bukan daripada perbuatan penipuan.

Keuntungan bukan daripada perbuatan al-Ihtikar.

PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN: PENDEKATAN FUQAHA'

Mereka juga turut membahagikan keuntungan kepada dua bentuk, pertama, al-ghabn al-fahisy dan kedua al-ghabn alyasir. Namun begitu, terdapat dua pendekatan di mana ulama fiqh berbeza pendapat dalam menentukan ukuran bagi membezakan antara al-ghabn al-fahisy dengan al-ghabn alyasir. Pendekatan pertama mereka menggunakan ukuran yang tetap (al-mi'yar al-jamid) dan pendekatan kedua menggunakan ukuran yang fleksibel (al-mi'yar al-marin).

PENDEKATAN PERTAMA: UKURAN YANG TETAP

ULAMA/ MAZHAB	Al-Khajnadi dari golongan Hanafi	Ibn Yahya al-Balkhi	Golongan Syafi'i
AL-GHABN	Pada takat melebihi	Keuntungan yang melebihi ketentuan ini ;-	Berlaku ketika mana kadar keuntungan yang diambil adalah melebihi al-thuluth ataupun satu pertiga (1/3).
AL-FAHISY	nisf al-usyur.	pada barang, nisf al-usyur - pada haiwan, 1/10-pada barang tak alih, 1/5	
AL-GHABN	Tidak melebihi (nisf al-usyur) atau tepat pada kadar nilf al-usyur	-	-

PENDEKATAN KEDUA : UKURAN YANG FLEKSIBEL

Ibn Abidin melihat al-ghabn al-fahisy sebagai suatu nisbah (keuntungan) yang tidak termasuk dalam penetapan taksiran oleh pihak pentaksir (almuqawwim) 51. Dalam hal ini, sekiranya kadar keuntungan yang dibuat melebihi taksiran pentaksir, maka keuntungan tersebut akan dianggap al-ghabn al-fahisy.

Sebahagian ulama' dari kalangan Maliki pula memberikan pilihan sekiranya berlaku al-ghabn al-fahisy. Mereka hanya berbeza pandangan dalam penetapan kadar al-ghabn tersebut sama ada pada kadar satu pertiga (1/3) atau lebih.

Al-Mardawi pula berpendapat bahawa nisbah al-ghabn atau keuntungan perlu mengambil kira al-uruf semasa (kebiasaan) dan bersesuaian dengan tahap masalah yang dihadapi. Nisbah tersebut hendaklah sedikit sahaja, supaya pulangan modal dapat diperoleh dengan mudah.

KESIMPULAN

Islam sangat menegaskan dalam konsep keuntungan supaya masyarakat Muslim lebih peka dan tidak melanggar patuh syariah seperti riba, ghabn, gharar dan ihtikar. Oleh yang demikian, masyarakat Islam sewajarnya lebih peka dan menyokong konsep keuntungan yang patuh syariah bukannya konvensional.